

RCI kemuka 14 syor termasuk siasat Dr. Mahathir

Iktibar kehilangan Pulau Batu Puteh

**Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR,
FITRI NIZAM dan HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sebarang usaha untuk mempertahankan kedaulatan negara terutama membabitkan tuntutan bertindih dan menuntut semula hak Malaysia tidak boleh dihadkan kepada beberapa individu tertentu atas alasan kerahsiaan.

Sebaliknya Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan mengesyorkan isu kedaulatan negara seperti hilang atau kekalnya sesuatu jajahan hendaklah dilaksanakan secara bersepadu dengan penglibatan semua kementerian, jabatan dan agensi.

Dalam laporan setebal 217 muka surat yang dinyarahsiakan kepada umum, RCI yang dipengerusikan oleh Tun Md. Raus Sharif membuat 14 syor dari sudut pentadbiran dan undang-undang kepada kerajaan dalam mengendalikan sebarang kes penting khususnya membabitkan kedaulatan negara.

Bersambung di muka 2

Iktibar kehilangan Pulau Batu Puteh

Dari muka 1

Kehilangan hak kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh dan pulau sekitarnya hendaklah diambil sebagai suatu pengajaran, menurut Suruhanjaya.

Sehubungan itu RCI mengemukakan 14 syor kepada kerajaan bagi melihat segala kelemahan, ketidaktepatan dan sikap ambil mudah dalam isu-isu melibatkan kedaulatan negara, supaya kes tidak berulang.

Syor itu termasuk memulakan siasatan jenayah ke atas bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad susulan keputusan Kabinet menarik balik permohonan membatalkan keputusan Mahkamah Antarabangsa (ICJ) mengenainya pada 2008.

“Pengajaran juga harus diambil di mana sekeping surat pertanyaan oleh pihak luar serta jawapan yang diberikan secara bersurat boleh pada bila-bila masa digunakan sebagai bukti untuk pihak luar bagi menuntut hak dan kedaulatan ke atas wilayah negara.

“Percakapan yang dikeluarkan secara tidak berhati-hati dan tidak bermaklumat boleh digunakan oleh pihak lawan dan memakan diri sendiri.

“Setiap tindakan dan keputusan mengenai perkara dasar yang melibatkan kedaulatan dan kepentingan negara perlu dibuat dengan berhati-hati dan berpandukan undang-undang katanya.

Dalam laporan setebal 217 muka surat yang dinyarahsiakan kepada umum, Suruhanjaya juga mengesyorkan kerajaan tidak menghadkan usaha menuntut semula hak Malaysia kepada beberapa individu tertentu atas alasan kerahsiaan.

Sebaliknya, isu kedaulatan negara seperti hilang atau kekal sesuatu jajahan Malaysia hendaklah dilaksanakan secara

bersepadu dengan penglibatan semua kementerian, jabatan dan agensi.

Dalam isu pentadbiran, RCI mengemukakan pandangannya kepada Jemaah Menteri dalam membuat keputusan berhubung perkara yang ada implikasi besar terhadap kedaulatan dan kepentingan negara.

Menurutnya, sebarang keputusan untuk tidak meneruskan Permohonan Semakan dan Permohonan Tafsiran seperti kes berkaitan kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan hendaklah dipertimbangkan dan diputuskan melalui pembentangan Memorandum Jemaah Menteri bukannya dibincangkan di bawah tajuk ‘Hal-Hal Lain’.

Pada masa sama, RCI juga mengesyorkan penglibatan seluruh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dalam tindakan dan usaha mendapatkan semula hak negara seperti kedaulatan Batu Puteh.

“Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu mengambil tanggungjawab penuh untuk menyelaras pendekatan terbaik berhubung isu kedaulatan negara serta menyemak dan memperkemas arahan serta prosedur sedia ada supaya dipatuhi bagi menangani isu-isu melibatkan kedaulatan negara.

“Kerajaan negeri hendaklah dilibatkan dan dirunding bersama dalam hal-hal berkaitan kedaulatan sesuatu negeri atau perkara yang boleh menjejaskan kedaulatan wilayahnya seperti yang berlaku dalam kes Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

“Penglibatan itu untuk membolehkan kerajaan negeri memberi sebarang bantuan, pandangan dan input yang diperlukan serta menyatakan pendiriannya terhadap sebarang isu berbangkit,” katanya.

Dalam laporan sama, RCI turut mengesyorkan supaya MKN bertindak selaku agensi peneraju yang bertanggungjawab menyelaras semua tindakan melibatkan isu maritim, persempadanan, keselamatan, kedaulatan dan ruang udara negara.

Di bawah syor membabitkan isu undang-undang, laporan itu menyebut, Malaysia boleh memfailkan semula Permohonan Tafsiran baharu pada bila-bila masa yang sesuai.

Bagaimanapun, RCI tidak mencadangkan Malaysia memfailkan semula Permohonan Tafsiran namun tidak dinyatakan alasan untuk tidak berbuat demikian.

**MALAYSIA
hilang hak ke atas
Pulau Batu Puteh
susulan keputusan
Mahkamah Keadilan
Antarabangsa
pada 2008.**

